

NO. SOALAN: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN:

Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk dan peranan yang dimainkan oleh Majlis Halal Malaysia (MHM) dalam membantu Hab /Taman Halal yang beroperasi di seluruh negara untuk mendapatkan peruntukan /geran untuk pembangunan dan pengurusan infrastruktur serta aktiviti promosi menarik pelabur berpotensi dari dalam dan luar negara.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Majlis Halal Malaysia (MHM) telah diluluskan oleh Kerajaan pada tarikh 8 Jun 2016. Majlis ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Setiausaha Majlis adalah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sekretariat

63

Bersama Majlis ini adalah terdiri daripada Bahagian Hab Halal JAKIM, Halal Industry Development Corporation (HDC) dan Jabatan Standard Malaysia.

Fungsi utama MHM adalah seperti berikut:-

- i. mempertimbang dan memperakukan dasar serta langkah strategik;
- ii. menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar dan inisiatif serta langkah strategik;
- iii. mempertimbang dan memperakukan inisiatif-inisiatif bagi menggalakkan penyertaan dan peranan sektor swasta;
- iv. menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi membantu pelaksanaan fungsi Majlis; dan
- v. melaksanakan apa-apa fungsi lain yang berhubung dengan pengurusan dan pembangunan halal negara mengikut keperluan dan tertakluk kepada dasar semasa Kerajaan dan peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.

Selain fungsi pentadbiran, MHM juga menjalankan fungsi penyelarasan Pensijilan Halal Malaysia oleh JAKIM, penyelarasan pembangunan industri Halal Malaysia oleh HDC dan penyelarasan pembangunan standard dan akreditasi Halal Malaysia oleh Jabatan Standard Malaysia.

Berhubung dengan industri halal (*halal industrial parks*), ia merupakan taman-taman industri khusus yang diwujudkan untuk pembangunan industri halal di negara ini. Kementerian Perdagangan Antarabangsa

dan Industri (MITI) melalui Halal Industry Development Corporation (HDC) dan dengan kerjasama Kerajaan Negeri dan pihak swasta telah mewujudkan 23 buah taman industri halal bagi menyediakan kawasan khusus untuk usahawan industri halal tempatan serta pelabur-pelabur asing. Daripada jumlah tersebut, 15 taman industri halal turut diberikan status HALMAS (Halal Malaysia) yang menawarkan beberapa insentif seperti berikut:-

- a) pengecualian cukai pendapatan terhadap modal perbelanjaan sebanyak 100% bagi tempoh 10 tahun atau pengecualian cukai pendapatan terhadap jualan eksport bagi tempoh 5 tahun;
- b) pengecualian duti import dan cukai jualan terhadap bahan mentah yang digunakan untuk pengeluaran produk-produk yang dipromosikan dalam industri halal; dan
- c) potongan dua kali ganda terhadap kos perbelanjaan bagi mendapatkan pengiktirafan antarabangsa bagi kualiti dan standard seperti sijil *Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)* dan *Good Manufacturing Practice (GMP)*.

HDC sebagai agensi penyelarasan dan '*focal point*' bagi pembangunan industri halal negara bertanggungjawab mengawal selia dan mengurus pemberian insentif cukai kepada pelabur-pelabur yang layak dan menjalankan operasi di taman-taman industri halal berstatus HALMAS.

Sekian, terima kasih.